☑ Harian Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: 8 MEI 2012
Hari: SELASA M/S: N24
Ruangan: SETEMPAT

# 1.4 juta dapat kad diskaun

## Pelajar IPT terima secara berperingkat bulan depan

>>Oleh Mohamad Hussin
mohamad@hmetro.com.my

SINTOK: Kira-kira 1.4 juta pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara akan menerima kad diskaun pelajar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), secara berperingkat bermula bulan depan.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, IPT awam dan swasta, kolej komuniti dan maktab perguruan layak menerima kad itu kerana akan disertai lebih 20 syarikat pedagang merangkumi pelbagai keperluan mahasiswa.

Beliau berkata, kad berkenaan ketika ini disertai syarikat berkaitan dengan keperluan pelajar, antaranya syarikat cermin mata, alatan sukan, alat tulis, buku, klinik, makanan, pusat kecantikan dan syarikat pengangkutan.

Katanya, Bank Rakyat yang akan mengeluarkan kad itu sudah menyiapkan reka bentuknya untuk dicetak dan dikeluarkan awal bulan depan.

FOTO | Lim Poh Chin

MUDAH...Ismail Sabri (kanan) menunjukkan barang Coop1Malaysia kepada Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

"Kami ada 17 syarikat ketika ini yang sudah menyertai program ini dan sedang berunding dengan beberapa lagi kerana mahukan lebih 20 syarikat menyertainya sebelum kad diskaun ini dilancarkan bulan depan.

"Kad itu akan dikeluarkan Bank Rakyat yang bekerjasama dengan kami sebagai satu program tanggungjawab sosial korporat bank itu kepada mahasiswa.

"Kami juga menggalakkan pelajar supaya membuka akaun dengan Bank Rakyat kerana kad ini nanti boleh juga digunakan sebagai kad debit bagi memudahkan pelajar membuat pembelian di syarikat terpilih," katanya selepas merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, semalam.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan Menu Rakyat 1Malaysia dan gerakan pengguna siswa peringkat negeri.